

TALKING POINTS

Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB

NAIB CANSELOR UTeM

MoU UTeM dan KUIM

1 Feb 2017, Dewan Utama Fakulti Kejururawatan KUIM, 3.00 pm

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

Y.B. Datuk Wira Haji Md Yunos bin Husin

Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Taib bin Haji Dora

Naib Canselor Kolej Universiti Islam Melaka

Pegawai-Pegawai Kanan UTeM dan KUIM,

Hadirin dan hadirat sekalian.

PENGENALAN

- Hubungan antara UTeM dan KUIM telah lama terjalin – UTeM yang merupakan universiti awam dan KUIM yang merupakan institusi pengajian tinggi swasta milik penuh kerajaan Negeri Melaka saling berhubung antara satu sama lain bagi memastikan agenda pendidikan di negeri ini sentiasa berasa di aras yang baik.
- Masing-masing menawarkan bidang pengajian yang khusus – UTeM dalam bidang teknikal dan KUIM yang merupakan gerbang pengajian psikologi dan pengurusan insan, amat relevan dengan kehendak pasaran masa kini sekali gus meningkatkan kualiti pendidikan di negeri ini.

- Hubungan dua hala ini juga membolehkan hasrat kerajaan negeri Melaka untuk menjadikan Melaka sebagai pusat kecemerlangan pendidikan seantero dunia semakin menjadi realiti.

FAKTA BERKENAAN UTeM

- P&P di UTeM amat menjurus kepada hands on/practical oriented approach – menyokong kepada agenda TVET negara.
- Enrolmen pelajar keseluruhan mencecah 11,760 orang, dengan pecahan 10,551 pelajar pra siswazah dan 1,209 pelajar pasca siswazah.
- Kekuatan tenaga pengajar seramai 899 orang staf dengan bilangan Profesor seramai 35 orang (termasuk 2 yang dipinjamkan).

- Tenaga pengajar yang mempunyai latar belakang industri yang baik (sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman) terutamanya bagi Jurutera Pengajar.
- Kebolehpasaran graduan UTeM pernah mencecah sehingga 90% - membuktikan graduan yang dihasilkan amat berkualiti dan memenuhi kehendak industri. Lebih daripada 50% graduan berkhidmat di dalam sektor swasta (industri).
- Bidang tujahan UTeM adalah Sustainable Manufacturing Technology.
- UTeM mempunyai ramai kepakaran dalam bidang akademia, penyelidikan dan pengkomersilan, ICT, pembangunan insan, dan lain-lain.

SKOP KERJASAMA

- Kerjasama dalam penyelidikan yang melibatkan bidang sains sosial dan kemanusiaan, pengajian islam, teknologi maklumat dan komunikasi, kejuruteraan, pengurusan teknologi dan lain-lain bidang lagi.
- Kerjasama dalam perkongsian dan pertukaran maklumat, data-data, penulisan dan penerbitan ilmiah dan buku dalam bidang-bidang yang berkaitan.
- Kerjasama dalam sebar luas hasil penyelidikan melalui penganjuran konvensyen, seminar, bengkel dan seumpamanya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

- Kerjasama dalam perancangan dan pengendalian geran penyelidikan, penyeliaan, pemeriksaan dan penyediaan felo penyelidik serta pembangunan program-program di peringkat Pasca Siswazah.
- Lain-lain bidang kerjasama yan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

HARAPAN

- Dengan kepakaran yang dimiliki oleh kedua-dua institusi, Insya Allah segala perancangan seperti mana yang ternyata dalam memorandum ini dapat dicapai sepenuhnya.

Budak Kecil Bermain Lilin,
Di Tengah Malam Bulan Purnama
Majlis Dilaksana Kerjasama Terjalin,
Membawa Kebaikan Memanfaat Bersama